


Oleh : Rosernifariza Ramlan dan Mohd Izwan Izhar Haris



17 hingga 20 Ogos – Program yang julung kalinya dianjurkan oleh Unit Kebudayaan dan Kesenian Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ini, sedikit sebanyak telah memberi impak positif kepada mahasiswa/i UniMAP mengenai kebudayaan dan kesenian.

Festival ini telah berlangsung selama 4 hari berturut-turut dan telah disertai oleh setiap Kolej Kediaman UniMAP bagi dalam 4 acara pertandingan yang dipertandingkan. Perasmian Festival ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Zul Azhar bin Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidik & Inovasi). Pada malam yang sama juga, turut berlangsungnya pertandingan lagu-lagu patriotik yang telah disertai oleh 12 orang peserta yang terbahagi kepada 2 kategori iaitu lelaki dan perempuan. Setiap peserta lelaki dan perempuan tersebut telah mewakili Kolej Kediaman masing-masing yang terdiri dari 6 buah kolej kediaman. Penyertaan kali ini lebih menarik dengan kehadiran peserta dari kaum bukan bumiputera dalam masa yang sama menunjukkan betapa eratnya perpaduan kaum di UniMAP.

Bagi kategori lelaki dalam pertandingan ini, telah dimenangi oleh Saudara Mohd Zulkifly dari KKG dan membawa pulang piala, wang tunai RM 200.00 dan sijil. Manakala naib johan ialah Saudara Wan Alimin dari kolej kediaman KKG yang turut membawa pulang piala, wang tunai RM 150.00 dan sijil penyertaan. Saudara Che Mohd Fadhlillah pula memenangi tempat ketiga dengan membawa pulang piala, wang tunai RM 100.00 dan sijil penyertaan. Bagi kategori perempuan pulak dimenangi oleh Saudari Wan Muhaini dari KKF dan naib johan dimenangi oleh Chin Ee Laine dari KKB serta tempat ketiga dimenangi oleh Saudari Ku Norsyamimi dari KKE.

Pada malam ke-2 pula telah berlangsungnya Pertandingan Tilawah Al-Quran yang juga diwakili oleh Qari dan Qariah dari 6 Kolej-kolej Kediaman UniMAP. Kehadiran Pn. Hajjah Foyziah, iaitu Ketua Pustakawan UniMAP telah menyerikan majlis Tilawah Al-Quran ini dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Pertandingan Tilawah Al-Quran yang julung kalinya dianjurkan hasil dari kerjasama pihak Kolej Kediaman UniMAP dan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni ini, turut berbangga dengan penyertaan dan kerjasama dari mahasiswa/i UniMAP yang amat menggalakkan.

Pertandingan Tilawah Al-Quran bagi kategori Qari telah dimenangi oleh Saudara Mohd Saifuddin dari KKE dan membawa pulang wang tunai RM 200.00, piala dan sijil penyertaan. Manakala naib johan telah dimenangi oleh Saudara Husnul Farhi dari KKB dan membawa pulang RM 150.00, piala dan sijil penyertaan. Saudara Mohammad Rizam dari KKB pula telah memenangi tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai RM 100.00, piala dan sijil penyertaan. Bagi kategori Qariah pula, tempat pertama telah dimenangi oleh Saudari Wan Nurul Wahidah dari KKG, Naib Johan telah dimenangi oleh Saudari Siti Fayaddah dari KKG dan Saudari Nurul Malihah telah memenangi tempat ketiga.

Festival ini diteruskan lagi dengan pertandingan Marhaban yang telah diadakan di Dewan Terbuka Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani pada malam yang berikutnya. Sebanyak 12 kumpulan yang bertanding dan mewakili kolej Kediaman masing-masing. Sambutan yang amat menggalakkan terhadap penyertaan dalam pertandingan Marhaban ini, juga turut dapat mencungkil bakat-bakat baru di kalangan mahasiswa/i UniMAP. Kehadiran Y.Bhg. Tn. Hj. Rusli, Pendaftar UniMAP pada malam turut memeriahkan suasana pertandingan marhaban tersebut. Pada pertandingan Marhaban tersebut, Johan telah disandang oleh Kumpulan Marhaban dari KKG dan membawa pulang wang tunai RM 400.00 dan naib johan disandang oleh Kumpulan Marhaban KKE dan membawa pulang wang tunai RM 300.00. Manakala Kumpulan Marhaban KKG telah memenangi tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai RM 200.00.

Pada malam terakhir festival dan malam perasmian penutup festival juga turut diadakan Pertandingan Deklamasi Puisi Kemerdekaan. Seramai 22 orang penyertaan telah diterima oleh pihak penganjur. Namun begitu, 6 orang peserta sahaja yang melepasi peringkat saringan dan terpilih untuk bertanding di peringkat akhir.

Malam penutup festival turut diserikan lagi dengan kehadiran Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Zainul Ariff Haji Hussain dan perasmian penutup telah disempurnakan oleh YB Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Md Isa bin Sabu. Kehadiran mahasiswa/i baru yang baru berdaftar pada hari tersebut, juga turut menghangatkan lagi suasana Dewan Kapitol pada malam itu. Pertandingan Deklamasi Puisi Kemerdekaan ini telah dimenangi oleh Saudari Afaf dari KKF. Beliau berjaya membawa pulang RM 200.00, sijil penyertaan dan piala. Manakala Saudari Nurul Farida dari KKF telah memenangi tempat kedua dan membawa pulang RM 150.00, sijil penyertaan dan piala. Tempat ketiga pula, telah dimenangi oleh Saudara See Jian Hao dari KKD dan membawa pulang wang tunai RM 100.00, piala dan sijil penyertaan.

Festival seumpama ini dapat mencungkil bakat-bakat baru mahasiswa/i di UniMAP. Semoga mereka yang berjaya dalam pertandingan yang dipertandingkan semasa festival ini, akan terus mengharumkan nama UniMAP di persada yang lebih tinggi.

